

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
JABATAN PERDANA MENTERI				
JABATAN KESELAMATAN DALAM NEGERI				
1	Program Kesedaran Keselamatan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Mendidik masyarakat mengenai ancaman - ancaman yang boleh menjejaskan keselamatan; • Membina dan menjalin hubungan (<i>rapport</i> dengan masyarakat dengan mempromosikan talian hotline 133. 	Program yang dijalankan oleh Jawatankuasa Program Kesedaran Keselamatan (JKDN) ini memfokuskan kepada memberikan penjelasan kepada orang ramai mengenai peranan dan tanggungjawab JKDN dan juga jenis - jenis ancaman keselamatan yang sedia wujud pada masa ini dan pada masa akan datang disamping memberigakan platform komunikasi JKDN yang ada seperti talian hotline 133 dan emel.
BIRO KAWALAN NARKOTIK				
2	Audit Tenaga Manusia (<i>Manpower Audit</i>)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Memastikan keramaian tenaga manusia yang mencukupi (<i>rightsizing</i>) • Memastikan penempatan pegawai yang teratur dan sempurna (<i>better deployment</i>) • Mengurangkan pembaziran tugas dan tanggungjawab yang bertindih (<i>reduce wastages and duplication of work</i>) • Membantu mengenalpasti keperluan pengemaskinian / pengwujudan Skim Perkhidmatan • Membantu mengenalpasti keperluan penyelarasan Struktur Organisasi • Membantu mengenalpasti keperluan mengisikan jawatan - jawatan kosong • Membantu mengenalpasti keperluan kursus / latihan yang diperlukan 	Menilai semula struktur organisasi dan keperluan penempatan pegawai - pegawai di setiap cawangan yang ada.
3	Ujian Kecergasan Asas	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Ujian penilaian yang telus untuk mengenal pasti individu yang mempunyai keupayaan fizikal yang diperlukan untuk memenuhi kriteria kompetensi yang digariskan seperti gabungan kecergasan anaerobik, daya tahan kardiovaskular, daya tahan dan kekuatan otot • Melahirkan pegawai dan kakitangan yang mempunyai ketahanan fizikal yang optima bersesuaian dengan keperluan BKN • Mengamalkan gaya hidup yang sihat 	Merancang dan melaksanakan ujian kecergasan asas bagi kesemua pegawai dan kakitangan Biro Kawalan Narkotik. Seseorang pegawai / kakitangan Biro memerlukan kemahiran, kecerdasan mental dan fizikal yang baik dalam menjalankan tugas harian. Prestasi tahunan pegawai dan kakitangan akan mengambilkira keputusan BFT individu sebagai ciri tambahan.
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM				
4	Penelitian Semula Dasar dan Tindakan Tatatertib dalam Surat Keliling JPM 19/1998	Dasar	Mengurangkan kewahaman yang dihadapi oleh pihak jabatan dalam mengambil tindakan tatatertib berikut wujudnya kekeliruan dalam amalan dan pengertian Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998.	Meneliti semula dasar yang mengawal tindakan tatatertib yang sedia ada bagi memastikan ianya akan lebih mudah bagi ketua-ketua jabatan mengambil tindakan dengan lebih teratur, selaras dan efisien.
5	Perlaksanaan Promosi Perkhidmatan Kaunseling (<i>Counselling Service Promotion</i>)	Struktur Organisasi	Objektif pelaksanaan promosi perkhidmatan kaunseling ialah untuk meningkatkan penggunaan dan permintaan perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan Bahagian Perkhidmatan Kaunseling. Perkhidmatan - perkhidmatan yang masih underutilised ialah permintaan khidmat sesi kaunseling secara sukarela (persendirian).	Program ini bertujuan untuk memberigakan perkhidmatan yang ditawarkan pihak Bahagian Perkhidmatan Kaunseling kepada kesemua pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam di Kementerian - Kementerian dan Jabatan - Jabatan. Program ini adalah secara berterusan sepanjang tahun mengikut permintaan yang diterima. Setiap program yang dijalankan dijangkakan akan belangsung setengah (1/2) hari bekerja.

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2020 / 2021
DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
6	Sistem Sumber Manusia (SSM)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan pengurusan sumber manusia secara keseluruhan; • Menjadikan pengurusan sumber manusia lebih berkesan dan efisien dengan memperbaiki aliran proses yang sedia ada dengan melaksanakan <i>Business Process Reengineering</i> (BPR); • Memberikan 'a greater user experience' kepada pengguna dari awal lantikan hingga tamat perkhidmatan / bersara. 	<ul style="list-style-type: none"> • SSM merupakan projek <i>flagship</i> dibawah Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang melibatkan keseluruhan sumber manusia di Kementerian dan Jabatan Kerajaan; • SSM akan menggantikan sepenuhnya Sistem Pembayaran Gaji (GPS) dan GEMS yang telah berusia melebihi 10 tahun dalam pengurusan sumber manusia secara menyeluruh; • Projek ini diterajui oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai program 'Fiscal Consolidation' bersama TAFIS 2.0.
RADIO TELEVISYEN BRUNEI				
7	Penggunaan Bahasa Isyarat Bagi Siaran Berita Perdana	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> • Merealisasikan cita-cita mewujudkan masyarakat bermaklumat kepada semua lapisan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam; • Melaksanakan 'Whole-of-Nation Approach' yang sentiasa ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di dalam titah-titah Baginda; • Memaksimumkan kapasiti dan peranan RTB sebagai platform menyampaikan mesej kerajaan kepada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam melalui bidang penyiaran; • Membantu golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) di negara ini menerima maklumat, serta menyumbang tenaga dan buah fikiran mereka terhadap aktiviti pembangunan dan kemajuan negara; • Mengambil iktibar daripada stesen penyiar serantau yang menggunakan Bahasa Isyarat bagi liputan berita; • Bahasa Isyarat sebagai sumber rujukan dan penanda aras kepada kemahiran penggunaannya di Negara Brunei Darussalam. 	Projek 'Penggunaan Bahasa Isyarat bagi Siaran Berita Perdana' merupakan kerjasama antara Radio Televisyen Brunei, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, dan Kementerian Pendidikan. Sesi latihan teknikal dan kursus bagi projek ini telah dijalankan selama tiga (3) bulan mulai bulan Oktober hingga Disember 2020. Seramai empat (4) orang peserta telah dipilih untuk menjadi Jurualih Bahasa Isyarat dalam Berita Perdana, mulai 1 Februari 2021. Pada 1 Jun 2021, seramai dua (2) orang peserta lagi dipilih menjadi Jurualih Bahasa Isyarat dalam Berita Perdana.